

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BIL. 1/1977**

---

**KELEWATAN BAGI MENDAPAT KEBENARAN**  
**MENGGADAI TANAH UNTUK PINJAMAN WANG**

Arahan ini dikeluarkan bagi maksud untuk menggesa dan menarik perhatian semua PHT dan PPHT, khasnya PPHT yang bertanggungjawab dalam memproses dan menyediakan Rang Kertas M.M.K. bersabit dengan permohonan untuk mendapat kebenaran menggadai tanah-tanah kepada orang-orang atau badan-badan yang tidak disenaraikan dibawah Jadual D Undang-Undang No. 18 tahun 1938 dan Jadual 26A Undang-Undang Tanah Kelantan Tahun 1938. (Lihat Pekeliling P.T.G. Bil. 16/76).

2. Apakala diterima sesuatu permohonan untuk mendapat kebenaran bagi menggadai tanah-tanah untuk mendapat pinjaman wang PPHT hendaklah seboleh-bolehnya memproses permohonan itu dengan serta merta dengan menyediakan Rang Kertas M.M.K. dalam sehari dua, dan terus angkat bagi timbangan M.M.K. melalui Pejabat PTG.

3. Dalam kes-kes yang semacam ini Rang Kertas M.M.K. itu perlulah disediakan dengan secara ringkas sahaja. Interview ataupun temuduga dengan pihak-pihak yang terlibat bagi maksud untuk mengetahui samada ianya Melayu atau tidak, ataupun samada ianya peranakan Kelantan atau tidak, tidaklah perlu disiakan kerana biasanya pihak pemegang gadai itu terdiri dari bank-bank atau pertubuhan Kewangan yang tertentu yang sama telah jelas tak boleh disifatkan sebagai 'Melayu' dan juga yak boleh disifatkan sebagai peranakan Kelantan mengikut Undang-Undang Tanah Kelantan tahun 1938.

4. Maklumat-maklumat mengenai tanah mustahaklah dinyatakan dengan sepenuh seperti biasa tetapi maklumat mengenai tuan tanah tidaklah perlu dinyatakan dengan panjang lebar, cuma memadailah disebut nama, Kad Pengenalan dan alamatnya sahaja.

5. Adalah diharapkan dengan adanya arahan ini kelewatan tidak lagi berlaku dalam memproses permohonan yang diatas.

(Mohd. Tajol Aros b.Ahmad)  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Kelantan.

Kepada: Semua PHT dan Penolong PHT Kelantan

s.k Y.B. Dato Setiausaha Kerajaan, Kelantan..

Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Kelantan.

Pengarah L.K.T.N. Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN, KOTA BHARU.  
PTG.Kn. 3269/(42)  
1hb.Februari,1977.**